

PTHS.6/3-927

(N.L.C.12A-Pin.4/85)

KANUN TANAH NEGARA 1965
BORANG 6A
(Seksyen 97 dan 98)
NOTIS TUNTUTAN :TUNGGAKAN SEWA

Kepada **SETIAUSAHA KERAJAAN SELANGOR, Tertubuh di bawah Enakmen Negeri,
1/1 BAHAGIAN,**

Beralamat di **TINGKAT 14, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
SHAH ALAM 40503 SELANGOR**

Tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam jadual di bawah,
ini .

Bahawasanya sewa yang di kenakan bagi * tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa
berkenaan dengan tahun ini masih belum di bayar dan mulai 01 hb Jun ,adalah dalam
tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh **TIGA (3) BULAN** dari tarikh notis ini
disampaikan, supaya membayar di **Pejabat Tanah Hulu Selangor di Kuala Kubu Bharu** segala
jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ke
tiga (3) hingga enam (6) dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

DAN AMBIL PERHATIAN bahawa, jika *jumlah/ ~~mana-mana daripada jumlah~~ yang dinyatakan
diruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh **TIGA (3) bulan** yang
tersebut itu maka saya bertandatangan dibawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh
Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, 1965 akan mengistiharkan dengan jalan **PERINTAH** tanah/
tanah-tanah yang berkenaan itu di lucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada 2 haribulan NOV 2020 .

Pentadbir Tanah

Daerah Hulu Selangor.

MUKIM: MUKIM SERENDAH

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN.

Perihal & No. Hakmilik	No.Lot/Pt	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun- tahun lepas	Fee-Fee dii yang dikenakan sebagai Hasil	Tunggakan Fee (Tunggakan denda lewat Dan denda lewat semasa dan bayaran terkurang	Jumlah kena dibayar.
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
HSM 859	PT 1266	RM 49.00	RM 1,243.00	RM 20.00 Bayaran Notis 6A	RM 2,873.80	RM 4,185.80



TAMBAHAN

Kepada
yang beralamat di :

* Pemegang gadaian/Pemajak/Pemajak Kecil/Tenan/Pemegang
lien/Kaveator/Pemegang esmen.

Sekiranya kamu ada sebab mempercayai bahawa tuanpunya bagi tanah yang dijadualkan di atas dalam mana kamu mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar, maka kamu boleh mengelakkan pelucuthakan tanah tersebut dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan, jumlah yang dinyatakan berkenaan dengan tanah itu.

DAN AMBIL PERHATIAN bahawa (tanpa menjejaskan apa-apa hak dibawah seksyen itu untuk mendakwa tuanpunya itu secara terus), hak-hak istimewa yang berikut untuk mendapat balik bayaran-bayaran wujud menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98 Kanun Tanah Negara:-

- (a) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemegang gadaian hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kemudiannya kena dibayar atas gadaian itu;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun tenan boleh didapatkan balik dengan memotong amaun itu daripada apa-apa sewa yang pada masa itu atau kemudiannya kena dibayar olehnya kepada tuanpunya tanah itu atau kepada sesiapa yang memegang tanah itu;
- (c) mana-mana pemajak, pemajak kecil atau tenan yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau dialami apa-apa potongan di bawah seksyen itu boleh mendapat balik amaun yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan yang bersamaan daripada amaun sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh pada 2 haribulan NOV 2020.

Pentadbir Tanah.....

Daerah Hulu Selangor.

